



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 16

10hb Ogos 2006

*TAMBAHAN No. 82
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 285.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (NEGARA REPUBLIK INDONESIA)
(PINDAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Negara Republik Indonesia) (Pindaan) 2006**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Indonesia (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL
(Perenggan 2)

PROTOKOL YANG MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDONESIA BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL MENGENAI CUKAI ATAS PENDAPATAN DAN PROTOKOLNYA YANG DITANDATANGANI DI KUALA LUMPUR PADA 12 SEPTEMBER 1991

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia, berhasrat untuk membuat suatu Protokol untuk meminda Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia bagi Pengelakan Pencukaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal Mengenai Cukai atas Pendapatan dan Protokolnya yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 12 September 1991 (kemudian daripada ini masing-masing disebut “Perjanjian” dan “Protokol”), telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

Perenggan 2 Perkara 10 Perjanjian dipinda dengan menggantikan perkataan “15 peratus” dengan perkataan “10 peratus”.

Perkara 2

Perenggan 2 Perkara 11 Perjanjian dipinda dengan menggantikan perkataan “15 peratus” dengan perkataan “10 peratus”.

Perkara 3

Perenggan 2 Perkara 12 Perjanjian dipinda dengan menggantikan perkataan “15 peratus” dengan perkataan “10 peratus”.

Perkara 4

Perenggan 5 Protokol digantikan dengan perenggan baru yang berikut:

“Berkaitan dengan Perkara 10 “Dividen”, tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menjejaskan peruntukan yang terkandung dalam mana-mana kontrak kongsi pengeluaran yang berhubungan dengan sektor minyak dan gas yang dibuat oleh Kerajaan Republik Indonesia, perantaraannya, syarikat minyak dan gas negeri berkenaannya atau apa-apa entiti lainnya dengan seseorang yang merupakan pemastautin Malaysia.”

Perkara 5

Bagi maksud Protokol ini, difahami bahawa:

1. faedah Perjanjian tidak tersedia berkenaan dengan perjalanan apa-apa aktiviti perniagaan luar pesisir di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990; dan

2. istilah “aktiviti perniagaan luar pesisir” ertinya suatu aktiviti perniagaan luar pesisir sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2(1) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 yang berkuat kuasa pada tarikh Protokol ini ditandatangani dan termasuklah apa-apa aktiviti yang sebahagian besarnya serupa yang diperkatakan dalam mana-mana pindaan kepada Akta itu selepas itu.

Perkara 6

Protokol ini hendaklah menjadi bahagian perlu Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia bagi Pengelakan Pencucuaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal mengenai Cukai atas Pendapatan dan Protokolnya yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 12 hari bulan September 1991.

Perkara 7

Protokol ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi dan surat cara ratifikasi hendaklah ditukar dengan seberapa segera yang mungkin. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pertukaran surat cara ratifikasi itu. Peruntukan Protokol ini hendaklah bagi kali pertamanya mempunyai kuat kuasa bagi amaun yang dibayar atau yang dikredit pada atau selepas hari pertama bulan kedua yang berikutnya yang mengikuti tarikh Protokol ini mula berkuat kuasa.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, pada 12 hari bulan Januari 2006, setiap satu dalam bahasa Malaysia, bahasa Indonesia dan dalam bahasa Inggeris, ketiga-tiga teks sama sahinya. Sekiranya terdapat perbezaan dalam pentafsiran dan pemakaian Protokol ini, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi Kerajaan
Malaysia

Bagi Kerajaan
Republik Indonesia

Dibuat 24 Julai 2006
[Perb. 0.6869/34 Vol. 3(99); PN(PU²)80A/IX]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE REPUBLIC OF INDONESIA)
(AMENDMENT) ORDER 2006

In exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Republic of Indonesia) (Amendment) Order 2006**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Republic of Indonesia with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Indonesian tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE
(Paragraph 2)

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF INDONESIA FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME AND ITS PROTOCOL SIGNED AT KUALA LUMPUR ON 12 SEPTEMBER 1991

The Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia, desiring to conclude a Protocol to amend the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with Respect to Taxes on Income and its Protocol signed at Kuala Lumpur on 12 September 1991 (hereinafter referred to as “the Agreement” and “the Protocol” respectively), have agreed as follows:

Article 1

Paragraph 2 of Article 10 of the Agreement is amended by substituting for the words “15 per cent” the words “10 per cent”.

Article 2

Paragraph 2 of Article 11 of the Agreement is amended by substituting for the words “15 per cent” the words “10 per cent”.

Article 3

Paragraph 2 of the Article 12 of the Agreement is amended by substituting for the words “15 per cent” the words “10 per cent”.

Article 4

Paragraph 5 of the Protocol is substituted by the following new paragraph:

“In connection with Article 10 “Dividends”, nothing in this Article shall affect the provisions contained in any production sharing contracts relating to oil and gas sector concluded by the Government of Indonesia, its instrumentality, its relevant state oil and gas company or any other entity thereof with a person who is a resident of Malaysia”.

Article 5

For the purposes of this Protocol, it is understood that:

1. the benefits of the Agreement shall not be available in respect of the carrying on of any offshore business activity under the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990; and
2. the term “offshore business activity” means an offshore business activity as defined under section 2(1) of the Labuan Offshore Business Activity Tax Act 1990 in force at the date of signature of this Protocol and includes any substantially similar activity dealt with in any amendment to that Act thereafter.

Article 6

This Protocol shall be an integral part of the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, and its Protocol signed at Kuala Lumpur on the 12th day of September, 1991.

Article 7

This Protocol shall be subject to ratification and instruments of ratification shall be exchanged as soon as possible. It shall enter into force on the date of exchange of the instruments of ratification. The provisions of this Protocol shall for the first time have effect for amounts paid or credited on or after the first day of the second month next following the date on which the Protocol enters into force.

IN WITNESS whereof the undersigned, being duly authorized thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at Bukit Tinggi, Sumatera Barat, this Twelfth day of January 2006, each in Bahasa Malaysia, Bahasa Indonesia and in English, the three texts being equally authentic. In the event of there being a divergence in the interpretation and the application of this Protocol, the English text shall prevail.

For the Government of
Malaysia

For the Government of
the Republic of Indonesia

Made 24 July 2006
[Perb. 0.6869/34 Vol. 3(99); PN(PU²)80A/IX]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]